

**Untuk Siaran Segera
1 Ogos 2023**

PNB Memperkukuh Komitmen untuk Mewujudkan Masa Depan Mampan, Memacu Kemajuan dalam Inovasi

Kuala Lumpur, 1 Ogos 2023 – Selaras dengan aspirasi dan inisiatif Kerajaan untuk meningkatkan daya saing negara dan merancakkan aktiviti ekonomi negara yang semakin kompleks, PNB Research Institute Sdn. Berhad (PNBRI), anak syarikat penyelidikan milik penuh Permodalan Nasional Bhd (PNB), baru-baru ini telah menganjurkan siri pertama PNB Knowledge Forum I 2023 (PKF) dengan tema “Memanfaatkan Inovasi dan Teknologi untuk Perniagaan Mampan”. Forum ini bertujuan untuk memberikan pandangan berharga tentang penyelesaian inovatif, teknologi disruptif dan komitmen syarikat-syarikat PNB yang kepada penambahbaikan berterusan yang akan memacu kemajuan dalam inovasi, teknologi disruptif, penambahbaikan produk dan proses.

Pengerusi Kumpulan PNB YM Raja Tan Sri Dato’ Seri Arshad Raja Tun Uda, yang merasmikan forum itu, berkata, “Dunia dalam era digital ini berubah pada kadar yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Ia telah dan akan terus mencipta peluang yang menakjubkan dan pada masa yang sama menjana risiko-risiko baharu kepada pemimpin pasaran sedia dalam sektor-sektor ekonomi masing-masing. Baru-baru ini, PNB telah menerbitkan Laporan Tahunan Bersepadu 2022 sulungnya yang mencerminkan jangkaan pertumbuhan dan pendekatan progresif untuk menerokai kemungkinan baharu dan memanfaatkan peluang-peluang inovatif. PNB amat komited untuk mencipta masa depan yang mampan dan inklusif yang memberi manfaat kepada pihak berkepentingan dan komuniti yang disantuninya.”

PKF menampilkan empat syarikat-syarikat pelaburan PNB, Sime Darby Plantation Berhad, Sime Darby Berhad, Malayan Banking Berhad (Maybank) dan Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Berhad (PERODUA) yang merupakan peneraju pasaran dan telah berjaya menerapkan pendekatan inovatif dan teknologi disruptif ke dalam sektor masing-masing. Pembentangan Sime

Darby Plantation, bertemakan "Plantations Reimagined", menampilkan inovasi yang menyumbang kepada kepimpinan pasaran yang mampan dan kecemerlangan organisasi dalam rangkaian nilai sektor perladangan. Sime Darby Berhad berkongsi perjalanan "Electrification" syarikat tersebut, dalam usaha mereka mengambil peluang-peluang baharu yang muncul daripada penggunaan Kenderaan Elektrik, dengan memanfaatkan keupayaan terasnya, mewujudkan perkongsian baharu dan mengembangkan perniagaannya di sepanjang rangkaian nilai.

Sementara itu, Maybank, menepati etos "Menginsankan Perkhidmatan Kewangan", mempamerkan inovasi berterusan syarikat bagi penyelesaian kewangan yang mudah, intuitif dan tertumpu kepada pengalaman manusia. PERODUA berkongsi perjalanan "Moving Malaysia" mereka yang menampilkan ciri robotik dan inovasi teknologi dalam pengeluaran automotif dan penyelesaian pengilangan dari hujung ke hujung, serta pembangunan keupayaan tempatan.

Raja Tan Sri Dato' Seri Arshad menambah, "Strategi dan pendekatan inovatif dalam Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 yang bakal dikeluarkan tidak lama lagi akan melakarkan trajektori pembangunan dan pertumbuhan perindustrian Malaysia sehingga 2030. Inovasi akan terus menjadi faktor kritikal untuk memacu dan meningkatkan daya saing negara kita. Besar harapan saya agar penglibatan ini akan membantu memupuk komuniti amalan untuk inovasi dan penambahbaikan berterusan di Kumpulan PNB, syarikat pelaburan dan Korporat Malaysia."

PKF telah dihadiri oleh lebih 500 orang peserta, terdiri daripada pembuat-pembuat dasar, ahli-ahli kepimpinan utama, dan ahli-ahli pengurusan kanan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC), Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan syarikat tersenarai awam. Turut hadir ialah ahli-ahli ekonomi, pengurus-pengurus dana, bersama pelabur-pelabur institusi dan pihak berkuasa kawal selia.

-Tamat-

Mengenai Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Permodalan Nasional Berhad (PNB) merupakan antara syarikat pengurusan dana terbesar di Malaysia dengan Aset di Bawah Pengurusan (AUM) melebihi RM300 bilion. Portfolio PNB meliputi pelaburan strategik dalam syarikat korporat terkemuka Malaysia, ekuiti global, pelaburan swasta dan hartanah. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.pnb.com.my

Dikeluarkan oleh Permodalan Nasional Berhad